

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN RANGKAIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

PENGENALAN

Garis Panduan perkhidmatan rangkaian UiTM merangkumi perkhidmatan sistem rangkaian UiTM bagi semua jenis peralatan komunikasi data berwayar atau tanpa wayar yang bersambung ke rangkaian UiTM dan keselamatan sistem rangkaian UiTM.

PERKHIDMATAN RANGKAIAN UiTM

Merangkumi semua perkhidmatan rangkaian termasuk rangkaian berwayar, rangkaian tanpa wayar (WiFi), Wide Area Network (WAN), peralatan rangkaian, perisian rangkaian dan teknologi yang digunakan.


Penggunaan Perkhidmatan Rangkaian UiTM

1. Akses: Hanya staf dan pelajar dibenarkan menggunakan rangkaian UiTM.
2. Pihak Ketiga: Perlu mendaftar sebelum menggunakan rangkaian.
3. Tujuan Penggunaan: Berkaitan dengan urusan UiTM.
4. Majlis/Program: Perlu memohon melalui units.uitm.edu.my
5. Tanggungjawab: Pengguna bertanggungjawab ke atas semua aktiviti dan peralatan yang menggunakan rangkaian UiTM.



Penyalahgunaan Rangkaian UiTM

Penyalahgunaan rangkaian UiTM boleh dikenakan tindakan tatatertib, surcaj dan/ atau tuntutan sivil terhadap pengguna dan pihak ketiga. Pengurusan ICT berhak menarik balik akses jika berlaku pelanggaran peraturan.



Penyambungan ke Rangkaian UiTM

Setiap Pusat Tanggungjawab perlu memastikan peralatan ICT baharu dan peralatan yang menggunakan IP (IoT) yang akan disambungkan ke sistem rangkaian UiTM adalah IPV6 tersedia.



- Semua jenis wireless access point yang bersambung ke rangkaian UiTM perlu mendapat kelulusan pemasangan daripada Pengurusan ICT.
- Pengurusan ICT UiTM tidak bertanggungjawab atas keselamatan penggunaan SSID selain dari yang disediakan oleh Pengurusan ICT UiTM.
- Capaian rasmi dari luar rangkaian UiTM hendaklah menggunakan perkhidmatan VPN yang disediakan oleh Pengurusan ICT UiTM.
- Pengurusan ICT berhak memutuskan penyambungan rangkaian yang dipasang tanpa kebenaran.
- Pengguna adalah bertanggungjawab untuk memastikan setiap perkakasan dan perisian yang disambungkan ke rangkaian UiTM adalah selamat digunakan.

Sila imbas kod QR yang tertera di sebelah untuk mendapatkan dokumen versi digital.



PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR RANGKAIAN BAHARU

Keperluan infrastruktur rangkaian mesti ditentukan secara bersama oleh pengguna dan Pengurusan ICT bagi setiap lokasi baharu/ diubahsuai. Perkara ini merujuk kepada Pekeliling Naib Canselor Bil.28/2006 bertarikh 3 Oktober 2006: Pelaksanaan Projek yang melibatkan Sistem Rangkaian.

KESELAMATAN PERALATAN RANGKAIAN

Keselamatan Fizikal

01.

- Peralatan rangkaian ditempatkan di lokasi bebas risiko (banjir, gegaran, kekotoran).
- Hanya staf yang dibenarkan boleh mengakses peralatan rangkaian.
- Ruang penempatan mesti mempunyai pengudaraan baik & bekalan elektrik stabil.
- Tidak boleh digunakan untuk tujuan lain tanpa kebenaran.

Capaian Fizikal

02.

- Kabel rangkaian perlu dilindungi daripada akses tidak berkenaan dengan memasang conduit di kawasan awam serta menempatkan pusat pendawaian di ruang berkunci yang hanya boleh diakses oleh staf yang diberi kebenaran.
- Peralatan rangkaian perlu ditempatkan di lokasi yang selamat dan terkawal serta hanya boleh diakses oleh staf yang diberi kebenaran.

Capaian Logikal

03.

Akses kepada peralatan rangkaian iaitu switch, access point, controller dan server dihadkan kepada staf yang dibenarkan sahaja.

Penyelenggaraan Perkakasan

04.

- Peralatan mesti dipasang & diselenggara mengikut Service Level Agreement (SLA).
- Semua kerja penyelenggaraan mesti direkodkan.